

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA 2020**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING [ BANGI ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2020**

**SOALAN**

**DR. ONG KIAN MING [ BANGI ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bila Kertas Putih Besi dan Keluli (Iron and Steel White Paper) akan dimuktamadkan dan adakah laporan ini akan diberi akses umum. Adakah Kerajaan akan membenarkan pembuat besi dan keluli asing berskala besar yang baru untuk memasuki pasaran domestik dan mengambil pasaran dari pengeluar Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sektor besi dan keluli merupakan sektor strategik dan berperanan sebagai tunjang kepada sektor pembinaan dan pembuatan negara. Jumlah pekerjaan yang diwujudkan oleh sektor ini adalah seramai 98,875 pada tahun 2019 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.8 billion bagi tahun yang sama. Eksport produk besi dan keluli turut meningkat daripada 2.3 juta tan metrik pada tahun 2017 kepada 3.4 juta tan metrik pada tahun 2019. Sementara itu, import telah menurun daripada 9.2 juta tan metrik pada tahun 2017 kepada 8.2 juta metrik tan pada tahun 2019. Kertas Putih Besi dan Keluli yang telah dikemukakan oleh pihak industri besi dan keluli kepada Kerajaan pada tahun 2019 adalah berdasarkan konsultasi industri dan pemegang taruh yang terlibat dalam rantai bekalan industri besi dan keluli di peringkat hulu, pertengahan serta hiliran. Data analisis daripada *South East*

*Asia Steel Institute* (SEASI) mengenai pasaran domestik serta global juga dirujuk dalam Kertas tersebut.

2. Dalam usaha untuk memastikan sektor strategik ini kekal berdaya saing terutamanya dalam senario pasaran global yang kian mencabar termasuk cabaran terbaharu disebabkan oleh pandemik COVID-19, Kerajaan telah mengambil kira permintaan dan cadangan pihak industri dalam menambahbaik kajian semula dasar semasa sektor besi dan keluli sewajarnya. Beberapa proses ke arah memuktamadkan kajian semula dasar besi dan keluli ini telah dilanjutkan susulan Perintah Kawalan Pergerakan baru-baru ini. Kajian semula dasar besi dan keluli dijangka dimuktamadkan sebelum penghujung tahun ini dan seterusnya akan diumumkan oleh Kerajaan.

**Tuan Yang Dipertua,**

3. Malaysia sebagai sebuah negara yang mesra pelabur sentiasa menyambut baik pelaburan tempatan mahupun asing yang bernilai tambah tinggi terutamanya jika aktiviti tersebut melengkapkan ekosistem industri dalam negara. Bagi sektor pembuatan, Kerajaan menggalakkan pelaburan dalam aktiviti berteknologi maju, bernilai tambah tinggi, mesra alam sekitar serta menggunakan sumber tenaga dengan cekap atau boleh dibaharui.

4. Bagi memastikan kepentingan syarikat tempatan terpelihara, sebarang keputusan Kerajaan untuk membenarkan pelaburan baru asing mahupun tempatan akan berdasarkan proses penilaian yang ketat oleh agensi promosi pelaburan yang berkenaan seperti MIDA, dan jika perlu, sesi libat urus dengan pihak pemegang taruh yang terlibat juga akan diadakan. Perbincangan dengan pihak kerajaan negeri yang berkenaan juga perlu dilakukan sekiranya pelaburan melibatkan sektor yang strategik serta jumlah nilai pelaburan yang besar. Justeru, Kerajaan akan menimbang sewajarnya setiap permohonan pelaburan baru dengan mengambil kira serta mencapai keseimbangan di antara pelaburan baru dan kepentingan semasa industri tempatan.

Sekian, terima kasih.